



TOKIO MARINE

Headline	RHB Bank sasar premium RM7.5j daripada polisi baharu dilancar		
MediaTitle	Utusan Borneo Sarawak		
Date	18 Jun 2014	Language	Malay
Circulation	45,554	Readership	136,662
Section	Supplement	Page No	A12
ArticleSize	85 cm <sup>2</sup>	Journalist	N/A
PR Value	RM 1,994		



## RHB Bank sasar premium RM7.5j daripada polisi baharu dilancar

**KUALA LUMPUR:** RHB Bank menyasarkan untuk mengaut premium RM7.5 juta menjelang akhir tahun ini daripada polisi yang baru dilancarnya, Essential Elite SaverPlus.

Ketua Pengedaran Runctit Kumpulan, Yeoh Beng Hopi, berkata ini akan diterjemahkan kepada kira-kira 3,000 polisi.

“Sambutan kepada polisi itu ketika pelancaran awal baru-baru ini sangat menggalakkan dan setakat ini jualan telah mencecah RM500,000,” katanya.

Yeoh berkata demikian kepada pemberita ketika pelancaran polisi berkenaan, di sini semalam.

Polisi Essential Elite SaverPlus dilancarkan secara bersama oleh RHB Bank serta rakan kongsi bankasuransnya, Tokio Marine Life Insurance Malaysia Bhd.

Dalam kenyataan bersama semalam, RHB Bank dan Tokio Marine berkata, polisi itu akan menawarkan pembayaran tunai sehingga empat peratus daripada jumlah asas yang diinsuranskan yang boleh dibayar setiap dua tahun.

“Pelanggan akan mendapat perlindungan hayat dan hilang upaya pada premium berpatutan sebagai pilihan yang menarik,” katanya.

— Bernama